

# UKM2U



ALUMNI-UKM

EDISI MAC 2019


E-BULETIN ALUMNI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



## BICARA ALUMNI : DATO' ISZHAR IBRAHIM – PENGARAH EKSEKUTIF ZIKAY GROUP BERHAD

Pada 21 Februari 2019 (Khamis), Pusat Perhubungan Alumni (ALUMNI-UKM) telah menganjurkan Program Bicara Alumni bersama Dato' Iszhar bin Ibrahim (Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, 1985) di Bilik Auditorium Siswa, Pusanika. Beliau merupakan Pengarah Eksekutif Zikay Group Berhad, syarikat pemaju bersepadu yang terlibat dalam bidang harta tanah, pembinaan, perkhidmatan kewangan, pendidikan dan perhotelan. Program ini turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, YBrs. Prof. Madya Dr. Roslee Rajikan. Dalam sesi bicara ini, Dato' Iszhar berkongsi kisah hidup beliau yang berlaku kerana latar belakang keluarga beliau bukan dari kalangan orang berada. Banyak kisah menarik yang pernah beliau alami sepanjang hidup terutamanya ketika bergelar pelajar di UKM. Berbekalkan semangat dan motivasi yang berlandaskan motto "I want to be rich" beliau mempelajari selok belok perniagaan sejak di bangku sekolah lagi. Beliau turut memberi semangat dan motivasi kepada pelajar-pelajar UKM untuk menceburi bidang keusahawanan dan selalu bersikap positif dalam kehidupan agar dapat mencapai kejayaan. Para pelajar yang hadir berasa senang dengan sikap rendah diri dan bicara santai beliau.

SELANJUTNYA




## KULIAH ALUMNI : EN. BURHANUDDIN YUSOF – PENGARAH URUSAN DESIRE QUALITY SDN BHD

Program Kuliah Alumni ini pertama kali diadakan pada 22 Februari 2019 (Jumaat) bersama alumni jemputan iaitu Encik Burhanuddin Yusof (Fakulti Pengajian Islam, 1997) dengan tajuk "Aspirasi Keusahawanan". Beliau merupakan Pengarah Urusan Desire Quality Sdn. Bhd. yang amat berminat untuk membimbing pelajar-pelajar memulakan perniagaan terutamanya dalam bidang pembangunan produk halal, pembinaan, perkhidmatan dan pembekalan, latihan dan perundingan, logistik dan pergudangan, pemfrancisan dan banyak lagi. Beliau akan membimbing secara langsung pelajar-pelajar yang berminat membuka syarikat dan perniagaan sendiri. Lanjutan dari sesi kuliah ini, beliau telah mewujudkan satu kumpulan WhatsApp untuk terus berkomunikasi dan membimbing pelajar.

Harapan beliau adalah agar semua pelajar yang menghadiri kuliah ini mendapat manfaat ilmu keusahawanan yang dikongsikan, berani dan terus komited menceburi bidang keusahawanan dan perniagaan di bawah bimbingan beliau.

SELANJUTNYA



## MAJLIS PELANCARAN PROGRAM RINTIS PEMENTORAN ALUMNI 2019

Pada 25 Februari 2019 (Isnin), Pusat Perhubungan Alumni (ALUMNI-UKM) dengan kerjasama Penolong Dekan Hal Ehwal Siswa dan Alumni (HESA) dari setiap fakulti telah berjaya melancarkan Program Rintis Pementoran Alumni UKM 2019. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kebolehpasaran pelajar dalam bidang yang mereka minati dengan bimbiningan alumni UKM sebagai mentor yang pakar dalam bidang masing-masing. Program tersebut telah dilancarkan oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Roslee Rajikan, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni. Majlis dihadiri oleh alumni mentor serta pelajar mentee dari pelbagai fakulti. Turut hadir, YBhg. Prof Dato' Dr. Mohamad Abdul Razak, Presiden Majlis Alumni UKM dan YBrs. Prof. Madya Dr. Chang Peng Kee, Pengarah Pusat Pembangunan Karier (UKM-KARIER). Di majlis ini, setiap alumni mentor yang hadir diberi peluang memperkenalkan diri sebagai permulaan perkenalan antara mentor dan mentee yang hadir. Alumni yang dilantik sebagai mentor ini akan membimbing pelajar mentee sehingga pelajar tersebut tamat pengajian. Antara bimbiningan mentor-mentee yang disasarkan dari program ini adalah motivasi peningkatan akademik dan kemahiran insaniah, perkongsian kepakaran teknikal, pendedahan mengenai aliran semasa sektor industri, nasihat dan panduan kerjaya dan permulaan jaringan.

SELANJUTNYA



## MAJLIS MAKAN MALAM TAUTAN KASIH ALUMNI 76/80

Majlis Makan Malam Tautan Kasih Alumni 76/80 UKM telah diadakan pada 2 Mac 2019 (Sabtu) bertempat di Kelab Golf Danau UKM. Majlis makan malam ini merupakan yang kedua dianjurkan dan dihadiri oleh 90 orang alumni bersama pasangan. Antara alumni yang hadir adalah dari Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan, Fakulti Pengajian Islam, Fakulti Sains dan Teknologi dan Institut Bahasa dan Kebudayaan. Turut hadir untuk merai para alumni ialah YBrs. Prof. Madya Dr. Roslee Rajikan, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dan YBhg. Dato' Kamarudin Jaffar, Timbalan Menteri Pengangkutan. Majlis ini bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim dan mengimbau kembali kenangan-kenangan manis yang pernah mereka alami ketika bergelar sebagai seorang pelajar di UKM. Pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti persembahan dari wakil alumni, cabutan bertuah dan mengumpul dana yang akan disalurkan kepada pihak UKM untuk manfaat para pelajar.

SELANJUTNYA



ALUMNIUKMOfficial



@ALUMNIUKMOffcl



www.ukm.my/alumni

PUSAT PERHUBUNGAN ALUMNI UKM (ALUMNI-UKM)